

MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENGINGAT LAFAZ SYAHADAH DENGAN MENGGUNAKAN “DAYUNG SYAHADAH” DALAM KALANGAN KANAK-KANAK BAJAU LAUT

Muhammad Syahir Ilham Razaliⁱ, Muhammad Razif Azizⁱⁱ & Wan Azmi Wan Omarⁱⁱⁱ

ⁱ Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPGM Kampus Tawau, Malaysia. syahirilham@gmail.com

ⁱⁱ Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPGM Kampus Tawau, Malaysia. razifaziz04@gmail.com

ⁱⁱⁱ Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPGM Kampus Tawau, Malaysia. wanzmiwanomar@ymail.co

Abstract: Syahadah adalah salah satu konsep kunci dalam Islam yang sangat penting dalam kehidupan seseorang yang memegang gelaran Muslim. Syahadah juga merupakan Rukun Islam yang pertama mendahului rukun-rukun terkemudian. Setiap muslim perlu menguasai dua kalimah syahadah dengan sebaiknya tanpa mengira peringkat umur termasuklah kanak-kanak. Namun, latar belakang pola petempatan etnik Bajau Laut yang tinggal di dalam perahu secara nomad, perbezaan bahasa pertuturan, komuniti tidak bernegara, budaya, kebolehcapaian pendakwah dan penerimaan terhadap orang asing telah dikenalpasti sebagai antara faktor yang memberi kesan terhadap pendidikan agama Islam kanak-kanak Bajau Laut, termasuklah dalam mengingat ucapan dua kalimah syahadah. Justeru, kajian ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran mengingat dua kalimah syahadah melalui penggunaan “Dayung Syahadah”. Kajian ini dilaksanakan ke atas sepuluh orang kanak-kanak dalam kalangan suku bajau laut di Semporna, Sabah terdiri daripada 3 orang kanak-kanak lelaki dan 7 orang kanak-kanak perempuan yang terlibat dengan program Madrasah Terapung, Community and Research Based Education, IPG Kampus Tawau dan Muslim Care Malaysia. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah pemerhatian dan temu bual. Dapatan kajian mendapati penggunaan “Dayung Syahadah” menunjukkan peningkatan yang positif terhadap kanak-kanak dalam mengingat lafaz dua kalimah syahadah dengan baik. Kajian ini diharapkan

dapat memantapkan pembelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan kanak-kanak Bajau Laut khususnya dan mereka yang tidak mendapat pendidikan formal amnya.

Kata kunci: Lafaz syahadah, “Dayung Syahadah”, Kanak-kanak Bajau Laut.

Abstract: The Shahada is one of the key concepts in Islam that is highly significant in the life of an individual holding the title of Muslim. The Shahada is also the first Pillar of Islam preceding the later pillars. Every Muslim should master the two phrases of the Shahada as best as possible regardless of age, including children. However, the background of the nomadic settlement pattern of the Bajau Laut ethnic group, differences in spoken language, stateless communities, culture, accessibility of preachers, and acceptance of outsiders have been identified as factors affecting the Islamic religious education of Bajau Laut children, including in memorizing the recitation of the two phrases of the Shahada. Therefore, this study aims to enhance the skill of memorizing the two phrases of the Shahada through the use of the “Dayung Syahadah”. This study was conducted on ten children among the Bajau Laut tribe in Semporna, Sabah, consisting of 3 boys and 7 girls involved in the Floating Madrasah program, Community and Research Based Education, IPG Campus Tawau, and Muslim Care Malaysia. The data collection methods used were observation and interviews. The findings of the study show that the use of the

"Dayung Syahadah" indicates a positive improvement in children's ability to memorize the recitation of the two phrases of the Shahada. This study is expected to strengthen Islamic Education learning among Bajau Laut children specifically and those who do not receive formal education in general.

Keywords: the two statements of the Shahada, master, use of symbols, "Dayung Syahadah".

PENGENALAN

Kalimah Akidah berasal daripada kata *Al-'aqdu* yang bermaksud kuat, kukuh dan erat sehingga tiada satu keraguan pun yang mengiringinya. Hal ini merupakan perbuatan hati iaitu membenaran terhadap sesuatu yang wajib diyakini (Indra Satia Pohan, 2022). Akidah Islam merupakan tonggak dan simpulan ('uqda) dalam keimanan seseorang muslim kepada Allah s.w.t. Untuk memastikan bahawa seorang Muslim memperoleh kedudukan mukmin yang utuh, ia harus teguh berpegang kepada kepercayaan terhadap semua enam unsur rukun Iman. Bahkan, satu kekurangan dalam unsur daripadanya boleh menatijahkan kepada gugur akidah atau tidak beriman (Jasni Sulong, 2016). Menurut Imam Al-Ghazali (1999), seorang tokoh ulama besar dalam sejarah Islam, ada menyatakan, "Akidah adalah puncak kemuliaan dan kesempurnaan iman." Hal ini membuktikan bahawa akidah bukan hanya satu elemen dalam kehidupan seorang Muslim, tetapi ia adalah inti, dasar, dan penunjuk arah bagi semua tindakan dan sikap mereka. Oleh itu, adalah wajib bagi setiap individu Muslim untuk mengukuhkannya dalam menghadapi pelbagai cabaran dan pengaruh yang datang mengikut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWAJA).

Usaha memantapkan dan mengukuhkan pegangan akidah masyarakat adalah aspek yang sangat penting dalam kehidupan setiap individu Muslim. Dalam dunia globalisasi moden, di mana informasi mengalir dengan cepat dan berbagai pandangan dunia bersaing untuk mendominasi, individu Muslim

dihadapkan dengan banyak ujian dan tantangan dalam mempertahankan akidah mereka. Pengaruh dari pelbagai perspektif dan ideologi, yang seringkali bertentangan dengan nilai-nilai Islam, mungkin cuba merosakkan dan mengaburkan akidah seseorang. Namun, dengan pemahaman yang mendalam tentang Islam dan usaha yang berterusan dalam memantapkan pegangan akidah masyarakat, ia dapat menangkis pengaruh-pengaruh yang bertentangan dengan syariat dengan keyakinan yang teguh.

OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

a. Objektif Kajian

1. Mengetahui tahap penguasaan kanak-kanak Bajau Laut dalam mengucap lafaz dua Kalimah Syahadah.
2. Meningkatkan kemahiran mengingat lafaz dua kalimah syahadah dengan menggunakan "Dayung Syahadah" dalam kalangan kanak-kanak Bajau Laut

b. Persoalan Kajian

- i) Apakah tahap penguasaan kanak-kanak Bajau Laut dalam mengucap lafaz dua Kalimah Syahadah ?
- ii) Adakah terdapat peningkatan kemahiran mengingat lafaz dua kalimah syahadah dengan menggunakan "Dayung Syahadah" dalam kalangan kanak-kanak Bajau Laut?

TINJAUAN MASALAH

i) Pemerhatian

Pengkaji melakukan pemerhatian terhadap tingkah laku Kanak-Kanak Bajau Laut semasa proses pengajaran dan pembelajaran sebelum dan selepas intervensi menggunakan Teknik Dayung Syahadah. Sebelumnya, pelajar ditemui tanpa pengetahuan mengenai ucapan syahadah. Pendekatan pengajaran sehalu dan kaedah pengulangan telah digunakan sebelum intervensi. Penggunaan bahan bantu mengajar, seperti komputer riba yang memaparkan rakaman guru menyanyikan lagu "Lailahaillah,"

turut dicuba. Walau bagaimanapun, Kanak-kanak Bajau Laut masih menunjukkan kekeliruan dan kesukaran dalam mengikuti sebutan serta gerakan yang diperlihatkan. Mereka juga tampak bosan dan kehilangan fokus, terutamanya ketika terdapat kesan monoton dalam proses pembelajaran.

Selepas menerima maklum balas daripada pemerhatian ini, pengkaji memutuskan untuk mengenakan penekanan pada Teknik Dayung Syahadah. Melalui pendekatan ini, proses pembelajaran menjadi lebih interaktif dan terkait dengan budaya Kanak-Kanak Bajau Laut. Penggunaan Teknik Dayung Syahadah memberikan dimensi baru kepada pembelajaran, tidak hanya merangkumi ucapan syahadah, tetapi juga melibatkan gerakan dayung sampan yang mencerminkan kehidupan tradisional mereka di atas bot madrasah terapung. Pendekatan ini diharapkan dapat merangsang minat, meningkatkan pemahaman, dan memperkukuhkan ikatan emosi peserta didik terhadap pembelajaran kalimah syahadah.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

4.1 Teknik Dayung Syahadah

Untuk menjelaskan Teknik Dayung Syahadah ini, keseluruhannya bermula dari perancangan guru (Pensyarah dan Pelatih) untuk menyampaikan dengan makna, dengan memperhatikan latar belakang peserta didik dari komuniti Bajau Laut Pala'uh. Penerangan akan difokuskan pada bagaimana mempertahankan semangat anak-anak Bajau Laut Pala'uh mengingat mereka belum mempunyai matlamat utama dalam pendidikan. Tekanan diberikan kepada teknik yang digunakan untuk menarik minat mereka setelah beberapa sesi refleksi. Guru perlu memahami latar belakang anak-anak Bajau Laut Pala'uh, termasuk estimasi peringkat usia (mengukur umur berdasarkan ketinggian) dan aspek sosiobudaya untuk merancang proses PdP yang berlaku di atas bot Madrasah Terapung.

Melalui penjelasan ini, perbincangan difokuskan pada penerapan Teknik Dayung Sampan, kaedah dayungan secara bersilang, dan gerak tubuh yang selaras dengan budaya Bajau Laut Pala'uh. Penggunaan Teknik Dayung Sampan tidak hanya melibatkan aspek fizikal semata-mata, tetapi juga memasukkan elemen budaya dan tradisi masyarakat Bajau Laut Pala'uh ke dalam proses pembelajaran. Dayungan secara bersilang menggambarkan aktiviti harian masyarakat Bajau Laut Pala'uh yang bergantung pada sampan sebagai sarana utama perjalanan dan mencari rezeki. Melalui teknik ini, guru tidak hanya menyampaikan pengajaran mengenai kalimah syahadah, tetapi juga mengintegrasikan elemen budaya dan sejarah masyarakat Bajau Laut Pala'uh dalam setiap gerakan. Manakala, Penggunaan gerak tubuh yang selaras dengan budaya Bajau Laut Pala'uh turut memberikan dimensi tambahan kepada pengajaran. Misalnya, gerakan tubuh yang menggambarkan keadaan laut yang tenang atau gelombang yang kuat dapat diintegrasikan dengan syahadah yang diucapkan, menciptakan pengalaman pembelajaran yang holistik. Justeru, atas sebab itu, teknik ini dinamakan sebagai "Dayung Syahadah"

Kaedah Dayung Syahadah bukan hanya sekadar suatu kaedah pembelajaran, tetapi juga satu bentuk penghormatan terhadap warisan budaya masyarakat Bajau Laut Pala'uh. Dengan mengambil kira elemen-elemen ini, guru tidak hanya memastikan kesan pembelajaran yang lebih mendalam tetapi juga memupuk rasa kebanggaan dan pemahaman yang lebih mendalam terhadap identiti budaya mereka. Seiring dengan itu, Teknik Dayung Syahadah, yang mencakup simulasi gerakan dayung sampan disertai dengan ucapan syahadah, turut diperincikan oleh guru. Penjelasan dan panduan yang terperinci disajikan untuk memberi tunjuk ajar kepada kanak-kanak bajau laut dalam

menjalankan teknik dayung syahadah berdasarkan kaedah yang telah ditetapkan.

DAPATAN KAJIAN

i. Penilaian Pencapaian Pelajar


Jadual 1: Pencapaian Kanak-Kanak Bajau Laut ucap syahadah selepas Intervensi

Kalimah	PK 1	PK 2	PK 3	PK 4	PK 5	PK 6	PK 7	PK 8	PK 9	PK 10
La	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Ila	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Ha	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Illa	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Illa	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Mu	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Ham	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Mad	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Rasul	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
Lullah	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
SKOR	10/10	10/10	10/10	10/10	10/10	10/10	10/10	10/10	8/10	8/10

Jadual 7 : Perbandingan Pencapaian Kanak-kanak Bajau Laut dalam tempoh Intervensi

Peserta Kajian	Peratus Sebelum Intervensi	Peratus Selepas Intervensi	Peningkatan Peratus
PK 1	60%	100%	40%
PK 2	60%	100%	40%
PK 3	70%	100%	30%
PK 4	70%	100%	30%
PK 5	60%	100%	40%
PK 6	80%	100%	20%
PK 7	80%	100%	20%
PK 8	40%	100%	60%
PK 9	40%	80%	40%
PK 10	40%	80%	40%

Rajah 2 : Graf Perbandingan Sebelum & Selepas Intervensi



Rajah di atas menunjukkan perbandingan peratus sebelum dan selepas intervensi dilaksanakan terhadap peserta kajian. PK 6 dan PK 7 mendapat 80% sebelum intervensi dan telah meningkat kepada 100% selepas intervensi

dilakukan. Peningkatan peratus bagi PK 6 dan PK 7 adalah sebanyak 20%. Manakala bagi PK 3 dan PK 4, mereka mendapat 70% sebelum intervensi dan telah meningkat kepada 100% setelah intervensi dilakukan. Kenaikan peratus bagi PK 3 dan PK 4 adalah sebanyak 30%. Pencapaian bagi PK 1, PK 2 dan PK 5 pula ialah 60% sebelum intervensi dan telah meningkat kepada 100% setelah intervensi. Kenaikan peratus bagi PK 1, PK 2 dan PK 5 adalah sebanyak 40%. PK 8 pula telah mendapat 40% sebelum intervensi dan telah meningkat kepada 100% setelah intervensi. Manakala PK 9 dan PK 10 pula telah mendapat 40% sebelum intervensi dan telah meningkat kepada 80%. Peningkatan peratus bagi PK 9 dan PK 10 ialah sebanyak 40% sahaja. Berdasarkan dapatan daripada ujian tersebut, dapat dilihat seramai lapan orang peserta kajian sahaja yang mendapat markah 100 % selepas intervensi. Manakala dua orang peserta kajian hanya mendapat 80% selepas intervensi dilakukan iaitu PK 9 dan PK10.

ii. Temubual

Jadual 3: Analisis Temu Bual

Peserta Kajian	Soalan : Apakah yang menyebabkan kamu menumpukan perhatian semasa pembelajaran "Dayung Syahadah"?	Kod
	Respon Murid	
PK 1	Ustaz bagi penerangan yang senang untuk diingat	2
PK 2	Gaya dayung sampan yang ustaz guna, saya lebih mudah mau ingat lafaz syahadah	1
PK 3	Seronok sebab ustaz buat gaya macam dayung sampan	1
PK 4	Ustaz buat gaya dan, ikan yang ustaz gunakan cantik	1
PK 5	saya senang faham dan ingat sebab ada gaya lagipun pelajaran ni seronok	3 1
PK 6	Ustaz buat gaya dayung sampan, best mau belajar	1
PK 7	Sebab gaya dia best, senang faham dan ustaz bagi penerangan yang jelas	1 2
PK 8	Tertarik sebab sampan ada ikan di tepi, penerangan pun mudah untuk difahami	1 2
PK 9	Gaya senang ingat dan sampan cantik ada gambar ikan	1
PK 10	menarik belajar topik ni, senang ingat sebab ada gaya	3 1

Penentuan kod :

1.Faktor Bahan : ada gaya, gaya dayung sampan seronok, bahan menarik, mudah difahami, senang diingat

2. Faktor Guru : penerangan yang jelas penerangan senang difahami dan diingat.

3.Faktor PdP : seronok belajar

Berdasarkan temubual yang telah dijalankan, pengkaji mendapati terdapat tiga faktor yang menyebabkan peserta kajian menumpukan perhatian semasa pembelajaran "Dayung

Syahadah". Faktor-faktor tersebut ialah faktor guru, faktor PdP dan faktor bahan. Bagi faktor guru, peserta menyatakan bahawa guru menjelaskan penerangan dengan baik, senang difahami dan mudah diingat. Bagi faktor PdP pula, peserta kajian menyatakan mereka berasa seronok untuk mempelajari topik dan mata pelajaran Pendidikan Islam. Manakala faktor bahan pula, peserta menyatakan bahawa terdapat gaya yang dilakukan bersama bahan yang mana bahan tersebut cantik dan gaya tersebut memudahkan mereka untuk mengingat setiap kalimah syahadah.

KESIMPULAN

Berdasarkan tinjauan masalah dan dapatan kajian yang telah dilakukan, dapat disimpulkan bahawa sebelum intervensi, Kanak-Kanak Bajau Laut menghadapi cabaran dalam memahami dan mengikuti pembelajaran mengenai ucapan syahadah dan pergerakan solat. Pendekatan pengajaran konvensional tidak memberikan hasil yang memuaskan, di mana pengulangan dan penggunaan bahan bantu mengajar seperti komputer riba turut tidak memberi keberkesanan yang diharapkan.

Namun, melalui pengaplikasian Teknik Dayung Syahadah, terdapat peningkatan yang ketara dalam ingatan Kanak-Kanak Bajau Laut terhadap melafaz dua kalimah syahadah. Teknik ini tidak hanya menyediakan platform untuk pembelajaran yang interaktif dan menyeronokkan, tetapi juga mengintegrasikan unsur budaya masyarakat Bajau Laut dalam proses pembelajaran.

Dengan menggunakan replika sampan di dalam bot madrasah terapung, peserta didik diajak untuk menjalankan gerakan dayung sambil menyanyikan lagu "Lailahailah," yang mencipta kembali momen penyatuan antara pembelajaran kalimah syahadah dengan keunikan gerakan dayung yang merefleksikan kehidupan tradisional mereka. Dengan demikian, Teknik Dayung Syahadah memberikan alternatif yang berkesan dalam meningkatkan kesedaran dan

pemahaman kanak-kanak terhadap ajaran Islam, sambil memperkukuhkan ikatan mereka dengan warisan budaya mereka sendiri.

RUJUKAN

- Indra Satia Pohan. (2022). *Aqidah Akhlak Pada Madrasah*. UMSU Press.
- Jasni Sulong. (2016). Pemeliharaan Akidah Islam: Analisis Daripada Sudut Penguatkuasaan Undang-Undang Dan Fatwa Di Pulau Pinang. *Afkar*, 18, 1-34.